

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 27 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 18

## KPKT anjur HOC bantu B40 miliki kediaman

**PUTRAJAYA 26 Sept.** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menganjurkan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) di NU Sentral Kuala Lumpur pada 4 hingga 6 Oktober ini dalam usaha membantu golongan B40 memiliki rumah.

Menurut Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Mohammad Mentek, fokus kempen kali ini adalah projek perumahan berharga di bawah RM300,000 seunit.

Jelas beliau, setakat ini hampir 32 pemaju perumahan akan menyertai kempen berkenaan dengan sasaran jualan sebanyak 10,000 unit kediaman.

Beliau berkata, pada kempen itu juga, bakal pembeli boleh menyemak dengan pihak bank dan Bank Negara Malaysia (BNM) jika mereka layak mem-



**MOHAMMAD MENTEK** menunjukkan alat pengesan asap yang dipasang dalam sebuah trak makanan di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

beli rumah.

"Akan ada beberapa insentif yang akan ditawarkan pada hari itu. Saya galakkan mereka

dalam golongan B40 datang beramai-ramai ke kempen HOC ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Majlis

Taklimat Garis Panduan Keselamatan Kebakaran Trak Makanan di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Mohammad Hamdan Wahid.

Beliau mengulas laporan akhbar *Utusan Malaysia* mengenai lambakan kediaman mewah dan murah di bawah RM300,000 serta gesaan pihak tertentu supaya kerajaan bertindak menurunkan had kelayakan pemilikan rumah berkenaan menjelang pembentangan Belanjawan 2020.

Mengulas lanjut, Mohammad berkata, isu lambakan rumah kebanyakannya berlaku di Lembah Klang dan beberapa negeri lain.